



PEJABAT TANAH BESUT
22200 KAMPONG RAJA, BESUT, TERENGGANU.
TEL: 09-6956326/328; FAX: 09-6953379
E-mail: ptbesut@terengganu.gov.my



PRIHATIN TERHADAP MASALAH BERSAMA

Ruj. Kami: PTB.04/53/2023/0009-(5)
Bertarikh :25 hb. Jun 2025



Rafaei & Co,
(Peguambela & Peguamcara)
No.85,Tingkat 1 & 2,Jalan Sultan Ismail,
20200 K Terengganu,
Terengganu(09 6262725)

Tuan,

LELONGAN KALI PERTAMA
GM 7100 LOT 10541 MUKIM JABI, DAERAH BESUT, TERENGGANU

Dengan segala hormatnya sukacita dimaklumkan bahawa lelongan kali Pertama akan diadakan pada, **5 Ogos 2025 (SELASA)** pada **10.30 Pagi** bertempat di **Pejabat Tanah Besut**, 22200 Kampung Raja, Besut, Terengganu.

- ... 2. Bersama-sama ini dikembarkan 'Perisytiharan Jualan' dan '16H' berkenaan untuk perhatian dan makluman tuan. Tuan juga dihendaki membuat bayaran sebanyak RM 400.00.

Sekian, harap maklum.

" TERENGGANU MAJU BERKAT SEJAHTERA "
" MALAYSIA MADANI "
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,


(**AIZAT SAFWAN BIN ABD RAZAK**)
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut.

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No.9, Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putra Jaya, (PP 00023588/2008/03)



Beautiful
Terengganu
Malaysia

BORANG 16H
(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya **Aizat Safwan Bin Abd Razak, Penolong Pentadbir Tanah Besut** pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah :

1. Dan saya selanjutnya memerintahkan –
 - (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada **SELASA, 5 Ogos 2025** pada pukul **10.30 Pagi** di **Pejabat Tanah Besut, 22200 Kampung Raja, Besut, Terengganu.**
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah **GM 7100- RM 38.000.00** (dalam Perkataan : **(Tiga Puluh Lapan Ribu Sahaja)** (3/12/2023)
Nama pemegang gadaian--((Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam)
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM:
 - (a) **66,929.26** (17/6/2025) Nama pemegang gadaian
Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rezab **RM 3,800.00** (dalam perkataan : **Tiga Ribu Lapan Ratus Sahaja**)* **(deposit hendaklah dibuat secara Bank Draf atas nama ((Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam)**
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya –
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh **5 Disember 2025** dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

Bertarikh 25^{hb} Jun 2025
PTB.04/53/2023/0009


(**AIZAT SAFWAN BIN ABD RAZAK**)
Penolong Pentadbir Tanah,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut.

Kanun Tanah Negara

BORANG 16H
(Seksyen 257 dan 263)

JADUAL TANAH *DAN KEPENTINGAN					
* Bandar/ Pekan/ Mukim	No. *Lot/ Petak/ P-T	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Bendatar *Pajakan/No. Pajakan Kecil (jika ada)	No. Bendatar Gadaian (jika ada)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
Jabi	Lot 10541	GM 7100	Semua Bahagian	Tiada	No. Pers. 3413/2020 6 Disember 2020



Rafaei & Co,
(Peguambela & Peguamcara)
No.85,Tingkat 1 & 2,Jalan Sultan Ismail,
20200 K Terengganu,
Terengganu.(09-6262725)

(PTB. 04/53/2023/0009)

KALI PERTAMA

**PERISYTIHARAN JUALAN
LELONGAN AWAM**

Dalam perkara seksyen 263 KTN – Perintah Pentadbir ke atas tanah tersebut dalam gadaian No. Pers :**3413/2020.bertarikh.6 Disember 2020.**

DI ANTARA

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
Kompleks Kementerian Kewangan,
No.9,Persiaran Perdana,Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
65592 Putrajaya

.....Pemegang Gadaian

DAN

Muhamad Faizal bin Muhamad Sani
Kp.870816-11-5855

..... Penggadai

Dalam menjalankan perintah jual oleh Pentadbir Tanah yang diperbuat dalam perkara tersebut adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Besut, Terengganu :-

**AKAN MENJUAL DENGAN
LELONGAN AWAM**

PADA HARI : SELASA,5 Ogos 2025
PADA PUKUL : 10.30 Pagi

TEMPAT : Perkarangan Pejabat Tanah Besut,
22200, Kampung Raja, Besut, Terengganu

1. **KEDUDUKAN HARTA**

Kepala Gajah

2. **KETERANGAN HAKMILIK**

No. Keterangan : GM 7100
No. Lot : Lot 10541
Mukim : Jabi
Luas :548 mp
Hasil Tahunan : RM 10.00
Tuan Tanah : Muhamad Faizal bin Muhamad Sani
Kp.870816-11-5855
Jenis Penggunaan Tanah : Bangunan
Bebanan : Digadai kepada :- LPPSA
3413/2020.bertarikh.6 Disember 2020.

Syarat Nyata:-

- i) Hendaklah didirikan bangunan kediaman sahaja.
- ii) Dalam tempoh dua tahun dari tarikh penukaran syarat tanah ini diluluskan atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pentadbir Tanah Besut hendaklah didirikan dan disiapkan dengan sempurna bangunan kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekatan Kepentingan:-

3. **HARGA REZAB**

Harga rezab yang akan dijual tertakluk kepada syarat-syarat jualan dan juga tertakluk kepada harga rezab iaitu **RM38,000.00**.

Mereka yang tawaran berjaya hendaklah membuat bayaran pendahuluan sebanyak 10% (RM3,800.00) dibuat Pemegang Gadai (**LPPSA**) secara Bank Draft dan bakinya mestilah dijelaskan dalam masa 120 hari.

4. **KETERANGAN LANJUT**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pentadbir Tanah Besut atau:

Rafaei & Co
(Peguambela & Peguamcara)
No.85, Tingkat 1 & 2, Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu.
Terengganu (09-6262725)

5. **SYARAT-SYARAT JUAL LELONG**

- a. Harga rezab bagi maksud jualan ialah: **GM7100) RM38,000.00**
(Ringgit Malaysia: Seratus Tiga Puluh Lapan Ribu Sahaja.)
- b. Penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rezab **RM3,800.00. (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Lapan Ratus Sahaja)** Amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian (**Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam**)
- c. Di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya :-
 - i. Maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (b) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar dan
 - ii. Sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.

- e. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **5^{hb} Disember 2025** dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan, masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - f. Di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (e) jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (d) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.
 - g. Orang yang membuat tawaran paling tinggi daripada harga tawaran atau lebih akan diisytiharkan sebagai pembeli berjaya dalam jual lelong.
 - h. Apa-apa bayaran cukai tanah, bayaran taksiran dan semua perbelanjaan yang kena dibayar bagi membuat atau melaksanakan Perintah Jualan ini hendaklah dibayar dengan harga pembelian. Segala bayaran lain berhubung dengan pendaftaran perakuan jual hendaklah ditanggung oleh pembeli.
 - i. Sebelum perlelongan ini dijalankan atau muktamad, tuan tanah bolehlah membuat bayaran pada bila-bila masa bagi menjelaskan bayaran yang mungkir dalam surat gadaian itu dan perlelongan ini dibatalkan.
 - j. Lelong ini tidak boleh disambut oleh warganegara asing atau bukan warganegara Malaysia.
6. Saya dapati wang yang perlu dibayar kepada Pemegang Gadaian ialah **RM66,929.26 (17.6.2025)**

Bertarikh
25 hb Jun 2025


(AIZAT SAIFWAN BIN ABD RAZAK)
Penolong Pengadun Tanah,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut.

s.k.

1. Diatas Tanah Berkenaan
2. Papan Kenyataan Balai Penghulu Mukim Jabi.
3. Papan Kenyataan Pejabat Tanah Besut, Terengganu.
4. Papan Kenyataan Mahkamah Besut, Terengganu.